



KENYATAAN MEDIA
22 DISEMBER 2023

85% PENGGUNA DOMESTIK DI SEMENANJUNG TIDAK TERJEJAS DENGAN PELARASAN TARIF ELEKTRIK BAGI TEMP OH 1 JANUARI HINGGA 30 JUN 2024

PUTRAJAYA, 22 Disember 2023 – Berikutan arahan daripada Kementerian Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam (Kementerian), Suruhanjaya Tenaga membuat pengumuman ini, untuk dan bagi pihak Kementerian seperti berikut:

Pihak Kerajaan pada 13 Disember 2023 telah bersetuju supaya pelarasan tarif elektrik di bawah pelaksanaan mekanisme Pelepasan Kos Tidak Berimbang (*Imbalance Cost Pass-Through* - ICPT) dilaksanakan secara **penyasaran semula subsidi** bagi pengguna di Semenanjung (kecuali pengguna di Kulim Hi-Tech Park, Kedah) untuk tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024 seperti berikut:

(a) pengguna domestik (tarif A):

- i. dengan unit penggunaan elektrik sebanyak 600 kWj dan ke bawah (≤ 600 kWj) **kek al menerima rebat 2 sen/kWj**;
- ii. dengan unit penggunaan elektrik melebihi 600 kWj hingga 1,500 kWj (> 600 kWj - $\leq 1,500$ kWj) **tidak dikenakan surcaj**; dan
- iii. dengan penggunaan elektrik melebihi 1,500 kWj ($> 1,500$ kWj), surcaj **kek al** pada kadar 10 sen/kWj;

(b) pengguna bukan domestik dalam kategori tarif komersial dan perindustrian voltan rendah (tarif B dan D), pengguna dalam kategori tarif pertanian spesifik (tarif H, H1

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

dan H2) dan operator air dan pembedungan, surcaj **kekal** pada kadar 3.70 sen/kWj; dan

(c) pengguna bukan domestik selain di perenggan (b) di atas, surcaj **kekal** pada kadar 17 sen/kWj.

Berdasarkan keputusan ini, sejumlah **85 peratus atau 7.0 juta pengguna domestik di Semenanjung tidak terjejas** dengan pelarasan tarif elektrik bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024. Sehubungan itu, **sejumlah 99.0 peratus atau 8.2 juta pengguna domestik masih menerima subsidi daripada Kerajaan**. Manakala bagi semua pengguna bukan domestik, surcaj yang dikenakan adalah kekal sama.

Berdasarkan kepada penyasaran semula subsidi ini, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah **RM1.9 bilion** subsidi kepada kategori-kategori pengguna yang terlibat bagi meminimumkan impak surcaj ICPT sepanjang tempoh pelaksanaan ini.

Pengguna boleh merujuk kepada bil elektrik bulanan masing-masing bagi memantau penggunaan elektrik dan subsidi yang diberikan. Selain itu, pengguna juga boleh menganggarkan kos bil elektrik bulanan pada masa akan datang dengan menggunakan kalkulator tarif elektrik yang dapat dicapai melalui laman sesawang <https://myelectricitybill.my/>.

*****TAMAT*****

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.